



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	4/4/2012

# Najib bersyukur, sifatkan tempoh pentadbirannya sebagai mencabar 'Tiga tahun yang menarik'

UM - 4/4/2012

**MARHAINI  
KAMARUDDIN**

melaporkan dari  
PHNOM PENH



**PHNOM PENH** 3 April - Datuk Seri Najib Tun Razak yang genap tiga tahun menjadi Perdana Menteri hari ini menyifatkan tempoh pentadbirannya itu sebagai menarik dan mencabar.

Mengambil teraju kepimpinan negara dalam keadaan yang penuh cabaran kesan daripada tsunami politik pada 2008, beliau bersyukur kerana berjaya melaluinya di sebalik pelbagai pandangan sinis dan tanggapan skeptikal terhadap apa jua yang kerajaan umumkan sebelum ini.

"Selepas tiga tahun saya fikir rakyat lebih yakin kerana mereka mempercayai yang kerajaan mampu melakukannya dan kita telah buktikan," katanya.

Beliau yang ditanya perasaannya mengakui agak terkejut yang tiga tahun sudah berlalu tanpa disedari.

Perdana Menteri sekali lagi bersyukur kerana mendapat sokongan anggota Kabinet dalam melaksanakan tugasnya.

"Tak mungkin saya dapat melakukannya sendiri tanpa sokongan mereka, ia adalah usaha berpasu-



**NAJIB Tun Razak memotong kek sambil diperhatikan oleh Rosmah Mansor ketika beliau menerima kejutan daripada urusetia Malaysia di Kemboja sempena ulang tahun ke-3 pentabiran beliau di Phnom Penh, malam tadi. Turut meraikan Datuk Seri Mustapa Mohamad, Datuk Seri Anifah Aman dan Timbalan Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan Senator Datuk Maglin Dennis D'Cruz. - BERNAMA**

kan. Kita perlu menunaikan janji-janji yang kita buat. Ini mustahak kerana apabila kita berjanji kita menegotkannya," tegasnya kepada wartawan Malaysia di hotel pengi-

napan beliau di sini hari ini.

Perdana Menteri berada di ibu kota Kemboja ini bagi menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN Ke-20.

Mengulas pencapaian kerajaan

sehingga kini, Najib berkata, petunjuk makroekonomi yang cukup memberansangkan telah mewujudkan momentum segar dalam tempoh tiga tahun ini.

Antaranya pelaburan langsung asing (FDI) mencapai rekod tertinggi dalam tempoh 10 tahun dengan sejumlah RM120 bilion pelaburan sektor swasta dalam setahun.

Dalam pada itu, tambahnya, Keluaran Dalam Negara Kasar mencatat angka tertinggi dan pada masa sama, defisit fiskal berjaya dikurangkan.

"Malah, janji-janji kita kepada rakyat dalam tujuh Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) sudah menjangkau sasaran yang ditetapkan.

"Cabarannya kini adalah untuk meneruskan momentum sebab banyak yang telah kita capai dalam tempoh tiga tahun ini," katanya.

Beliau yakin banyak lagi kejayaan yang boleh dicapai oleh kerajaan sekiranya sekali lagi mendapat mandat untuk memerintah.

Mengenai pembangkang, Najib membidas sikap dan tindakan mereka yang tidak membantu negara kerana membuat teguran secara tidak membina.

"Ya, kita menghadapi cabaran daripada pembangkang yang seboleh mungkin mahu menggunakan apa jua isu yang ada. Mereka bukan mahu mencari penyelesaian kepada sesuatu isu tetapi mahu memanjang-manjangkan isu sehingga pilihan raya umum akan datang," katanya. - UTUSAN.